

15/04/1997

Mesir-Malaysia kritik Netanyahu

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia dan Mesir hari ini mengkritik pemimpin Israel, Benjamin Netanyahu kerana bersikap `keras kepala' dan tidak menunjukkan keinginan untuk meneruskan proses damai di Timur Tengah.

"Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Mesir, Dr Kamal Ahmed El Ganzoury menyuarakan tidak puas hati mereka berkaitan sikap pemimpin Israel itu," kata Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau memberi taklimat kepada pemberita berkaitan perbincangan antara Dr Mahathir dengan Dr Kamal di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Dr Kamal tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi dua hari dan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen pagi ini.

Menurut Abdullah, kedua-dua Perdana Menteri berkongsi pandangan yang sama berkaitan masalah Timur Tengah dan berpendapat proses perdamaian harus diteruskan kerana ia adalah penting bagi rakyat Palestin dan juga Israel.

"Mereka sedar kesulitan yang ditimbulkan oleh Netanyahu berikutan keras kepalanya dan tidak menunjukkan keinginan untuk meneruskan proses damai," kata Abdullah.

Selain isu hubungan Arab-Israel, kedua-dua pemimpin juga menyentuh isu antarabangsa lain seperti keperluan kerjasama G15 dan G8.

Ketibaan Dr Kamal di Medan Parlimen disambut oleh Dr Mahathir yang mengiringinya memeriksa barisan kehormat terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja pimpinan Mejar Hamdi Abdul Rahman.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada menteri Kabinet dan pegawai diplomat.

(END)